

LICAPAN: ~~ALAM 2~~ 50

~~329- 97/79~~

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,

DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS

MERASMIKAN MASJID PARIT KHALID,

MUKIM 7, BATU PAHAT, PADA HARI

RABU 5HB. JULAI, 1978, 4.00 PTG.

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillahir-rahma-nirrahim.

-
1. Yang Berusaha, Pegawai Daerah, Batu Pahat.
 2. *y. Berbahgia Encik Shaiiff Lamin.*
 3. *Dif-dif kehormat. Encik Idris Ibrahim*
 5. *Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.*
 4. *Tok² Pangulu, Ketua² Kampong, Tok Swam.*

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu wata'ala, kerana dengan limpah rahmat serta izinNYA, dapat saya menemui penduduk-penduduk Kampung Parit Khalid petang ini, dan seterusnya merasmikan Masjid Kampung ini.

2. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih, serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada Pegawai Daerah Batu Pahat, dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Parit Khalid, kerana memberi penghormatan ini kepada saya. Inilah masjid yang kedua, saya resmikan hari ini di Batu Pahat.

3. Masjid Kampung Parit Khalid ini, merupakan salah satu daripada beratus buah masjid, yang telah dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional, bagi menyediakan kemudahan tempat

beribadat umat Islam di tanah air. Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan, dan juga Kerajaan Barisan Nasional Negeri, telah mengeluarkan ^{berjuta²} ~~berpuluh-juta~~ ringgit pada tiap-tiap tahun, untuk membina masjid dan surau-surau baru, serta memperbaiki masjid dan surau-surau yang lama.

4. Selain dari membina masjid dan surau, Kerajaan Barisan Nasional juga mengeluarkan perbelanjaan kerana membina sekolah-sekolah ugama, dan menyusun semula, mengatur serta menyelaraskan pelajaran ugama, ^{dengan} ~~yang~~ lebih licin

dan berkesan lagi. ~~di sekolah-sekolah.~~ Disamping melengkapkan diri anak-anak kita dalam pelajaran sains dan teknologi, didikan dan bimbingan Agama Islam adalah juga penting dititikberatkan. Usaha ini akan dapat memelihara nilai-nilai rohaniah yang tinggi, di kalangan jenerasi muda kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

5. Sebagaimana kita sedia maklum, Kerajaan Barisan Nasional yang mewarisi pentadbiran negara ini dari Parti Perikatan, telah melaksanakan

...5/-

apa jua dalam bidang kuasanya serta keupayaannya, melaksanakan berbagai projek ~~dalam bidang~~ ekonomi, pelajaran dan kebudayaan. Tujuannya ialah, meningkatkan lagi taraf ekonomi umat Islam di seluruh tanah air, serta memperbaiki lagi keadaan hidup mereka, dengan membawa kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

6. Berbagai langkah telah juga diambil bagi meninggikan lagi ^{shi-ngar} syiar Islam, sejajar dengan kedudukannya sebagai Ugama Resmi negara. Kegiatan-kegiatan dakwah, bagi menyibar dan memperkembangkan ajaran ugama suci Allah ini,

adalah di kendalikan oleh Pusat Islam dan Jabatan-jabatan Ugama Negeri-negeri, serta badan-badan *yang bertanggungjawab.* dakwah. Selain daripada menyelaraskan kegiatan-kegiatan yang diselenggarakan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri, Pusat Islam mempunyai hubungan rapat dengan pertubuhan-pertubuhan ugama Islam di luar negeri, *dengan* terutama negara-negara Arab.

7. Usaha kita ini, khususnya mengenai peranan kita dalam Pertubuhan Negara-negara Islam, serta kejayaan kita menganjurkan Musabagah *adalah* Membaca Al-Quran pada tiap-tiap tahun itu, ~~telah~~

di sanjung tinggi oleh negara-negara Islam di-
nama baik
 dunia. Ia telah meningkatkan lagi ~~imej~~ Malaysia
 di luar negeri, serta menjadikan negara kita
dan di hormati oleh
 terkenal ~~di kalangan~~ negara-negara Islam dan
 negara-negara jiran di rantau ini.

8. Kerajaan Barisan Nasional juga telah
 melaksanakan berbagai usaha, bagi meninggikan
 lagi taraf ekonomi umat Islam di negara ini.

Badan-badan dan agensi-agensi telah pun ditubuhkan,
 bagi mengendalikan perusahaan dan perniagaan
 yang halal, yang dijalankan mengikut lunas-lunas

ajaran Islam. Umat Islam mempunyai peluang yang luas, menyertai serta melibatkan ^{diri} dalam badan-badan dan agensi-agensi ini, atau melaburkan wang mereka dalam saham-saham yang ^{secara halal} dikelolakan oleh agensi dan pertubuhan-pertubuhan ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

9. Kerajaan Barisan Nasional akan terus berusaha bagi meningkatkan lagi kegiatan-kegiatan ekonomi ini, supaya masyarakat Islam dapat menikmati keadaan hidup yang lebih sempurna lagi. Saya menyeru seluruh umat Islam, supaya memberikan sokongan dan kerjasama mereka

Barisan Nasional.

kapada Kerajaan ~~yang ada sekarang ini~~. Umat Islam mestilah mengukuhkan perpaduan di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional, bagi memastikan segala rancangan yang telah disusun, dapat dilaksanakan dengan jayanya.

10. Sesungguhnya, kita harus bersyukur di atas kemajuan dan kemakmuran yang telah kita nikmati selama ini, yang merupakan hasil usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Tiada siapa ^{pun} yang boleh menafikan kejayaan yang telah di capai oleh Kerajaan Barisan Nasional, semenjak ia diberi kuasa

mentadbirkan negara ini. Rakyat Negeri Kelantan sendiri, telah memahami hakikat ini, serta mengakui keupayaan dan kemampuan Barisan Nasional.

IOA. — — — XXX

Rakyat negeri Kelantan

XX

11. ~~Mereka~~ telahpun mengubah sikap, dan telah mula menyedari bahawa, hanya Kerajaan Barisan Nasional sahaja, yang boleh membela dan memperjuangkan kepentingan dan kebajikan mereka. Rakyat Kelantan telah mula membuka mata, kerana pembangunan yang telah dipergiatkan sejak Barisan Nasional mentadbirkan Negeri itu, ~~lima tahun yang lalu~~, telahpun ~~sebanyak~~ ^{kan} sedikit mendatang hasil yang berkesan. Mereka

①

10A

10A.

Pemimpin² Barisan Nasional yang beragama Islam, tidak menggunakan ayat² suci Al-Quran kerana faedah politik. Sebaliknya, Pemimpin² serta ahli² PAS, senantiasa memperguna dan memainkan² kan ayat² suci Al-Quran itu, semata-mata kerana faedah diri dan parti nya. Firman² Tuhan dalam Al-Quran telah dan masih di^{per}gunakan oleh pemimpin² PAS, kerana hendak mengelirukan rakyat yang beragama Islam, sebagaimana di rakyat negeri Kelantan telah di kelirukan oleh pemimpin² PAS sebelas² tahun yang lalu. Saya yakin bahwa, umat Islam

di negara ini, khususnya pengundi²,
tidak akan lagi di perdayakan oleh
pemimpin² PAS itu dengan mengeluarkan
ayat² Duran, bukan kerana hendak
mengembang dan menyampaikan ajaran²
agama Islam, bahkan semata² kerana faedah
politik diri mereka sendiri.

telah dapat membezakan kenyataan yang sebenarnya.

12. ^{Parti} ~~Kerajaan PAS yang telah mentadbirkan~~
Negeri Kelantan lebih dari 15 tahun sebelum
itu, hanya telah membawa penderitaan. Pemimpin-
pemimpin PAS, bukan sahaja telah tidak dapat
membawa kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat
negeri itu, tetapi sebaliknya menyalahgunakan
kuasa yang diamanahkan oleh rakyat Negeri
Kelantan kepada mereka. Mereka telah menggadaikan
kawasan tanah hutan yang luas, yang bernilai
~~dengan kekayaan sumber alam semula jadi,~~

~~kapada rakyat luar negeri yang bukan beragama Islam. Kebanyakan pemimpin-pemimpin PAS ini, lebih mementingkan diri sendiri, dari menunaikan tanggungjawab mereka kapada rakyat.~~

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

13. Barisan Nasional yang memerintah sekarang ini, ^{dari rakyat} memerlukan mandat baru bagi menubuhkan Kerajaan yang benar-benar berjiwa rakyat, Kerajaan yang bersih, jujur dan penuh dedikasi, serta sedia berkhidmat kapada rakyat, sesuai dengan kehendak Uqama Islam yang murni itu.

Bagi mencapai hasrat ⁱⁿⁱ ~~itu~~, Barisan Nasional berkehendakkan sokongan rakyat, khususnya pengundi-pengundi. Rakyat yang bersatu padu sahajalah, yang akan dapat membentuk Kerajaan yang kuat dan tahan diuji. Jika sebilangan besar rakyat ^{kan} memberi mandat baru mereka kepada Barisan Nasional, pada 8hb. ^{Insha'allah, Barisan Nasional} ~~Julai~~ ini, ~~saya berjanji~~ akan membawa rancangan pembangunan yang lebih banyak lagi. ~~ke kawasan ini.~~

14. Dengan menggunakan undi ^{dengan} ~~secara betul~~ dan bijaksana, kita dapatlah memastikan dengan lebih terjamin lagi, masa depan negara, dan masa

depan anak cucu kita. Oleh itu, saya menyeru seluruh rakyat, khususnya pengundi-pengundi, supaya jangan tersilap pileh. Menyokong dan mengundi calon-calon Barisan Nasional, adalah sebaik-baik jalan bagi menjamin keamanan dan kemakmuran yang berkekalan, serta menjamin keadilan sosial dan keadaan hidup yang lebih baik bagi semua.

15. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan penghargaan, kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis pada petang ini. Saya ^{berdo'a} ~~mendo'a~~ kehadiran Allah subhanahu

wata'ala, supaya diberi petunjuk kepada sekalian
umat Islam ke jalan yang benar. Mudah-mudahan,
kita akan dapat terus/^{kekal}dalam aman, makmur
dan bahagia.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

16. Dengan ini, saya dengan nama Allah
yang amat pemurah, lagi amat mengasihani,
mengisytiharkan Masjid Parit Khalid ini,
di buka dengan resminya.

Terima kasih.

Walaupun demikian, kita akan tetap berusaha untuk mencari jalan yang benar. Untuk itu, kita akan tetap berusaha untuk mencari jalan yang benar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,



No Siri	387
No. Penerimaan	51/79